

▼08/12/20-11MST

U GB 08-12 00167 BH054

aab

Mahathir-Australia '''

MALAYSIA TIDAK BERMUSUH DENGAN AUSTRALIA, KATA MAHATHIR

I

LANGKAWI, 8 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak bermusuh dengan Australia tetapi kebanyakan rakyat Malaysia merasa tersinggung dengan kenyataan pemimpin Australia terhadap Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Katanya perasaan menyeluruh rakyat Malaysia, termasuk yang disuarakan oleh parti-parti pembangkang, mengutuk Perdana Menteri Australia Paul Keating kerana menuduh beliau "keras kepala" adalah tulen.

"(Bagaimanapun) kita komited kepada rakan-rakan kita" Dr Mahathir berkata apabila menjawab pertanyaan mengenai hubungan Malaysia-Australia pada persidangan akhbar di sini.

Perdana Menteri enggan diheret untuk bercakap lebih lanjut mengenai itu walaupun beliau dihujani soalan demi soalan dan didesak terutamanya oleh para wartawan Australia.

Ditanya tentang tindakan beberapa orang menteri dan agensi kerajaan untuk memboikot Australia atau menurunkan taraf perhubungan, Dr Mahathir berkata baginya bukan "satu kebiasaan untuk memberitahu menteri-menteri saya apa yang harus dibuat."

"Ketika itu, saya mungkin dilabel sebagai diktator, dan seterusnya", katanya. -- Lagi

▼08/12/19-22MST

U GB 08-12 00188 BH055

aab

Mahathir-Australia 2 Langkawi '''

Beliau bagaimanapun mengakui bahawa hubungan antara kedua-dua negara kini berada pada tahap paling rendah sungguhpun ada ketikanya pada masa lepas bila "kita agak marah (dengan Australia), umpamanya apabila mereka menuduh kita menyembelih orang Vietnam (pendatang haram)."

"Jika anda mahu mengkritik saya, anda boleh kritik. Kami juga pernah mengkritik Bangsa-bangsa Bersatu, Amerika Syarikat, China dan pihak-pihak lain. Anda bebas bersuara, ia adalah sebahagian daripada demokrasi dan dibolehkan dalam konteks antarabangsa.

"Jika anda tidak bersetuju dengan sesuatu dasar, katakan sahaja. Tetapi bukan secara penghinaan peribadi," katanya.

Keating telah menuduh Dr. Mahathir "keras kepala" kerana tidak menghadiri sidang puncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Seattle bulan lepas.

Diulang tanya oleh wartawan asing sama ada terdapat perbezaan kebudayaan dalam kontroversi sekarang, Dr Mahathir berkata ia mungkin perbezaan peribadi.

Perdana Menteri juga memberitahu persidangan akhbar yang penuh sesak itu bahawa adalah berbahaya baginya untuk mengulas mengenai isu-isu berkaitan yang timbul sejak kenyataan Keating itu berasaskan laporan-laporan akhbar.

"Anda memberitahu saya dia telah berkata sesuatu saya perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu (sebelum mengulas)," katanya. -- Lagi

▼08/12/19-41MST

CNS7505

U GB 08-12 00170 BH056

aab

Mahathir-Australia 3 (akhir) Langkawi '''

Dr Mahathir juga berkata beliau senantiasa menerima penyesalan dan jika "dia (Keating) telah menyuarakan kesesalan, kami gembira menerimanya."

"Kenapa harus berbalah?," tanya Dr Mahathir.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata dalam keadaan-keadaan tertentu pada masa lalu beliau pernah meminta maaf secara terbuka.

Mengenai kelengkapan pertahanan, beliau berkata terdapat keperluan untuk memperbaharuiya selepas sesuatu tempoh tertentu.

Negara-negara lain juga berbuat demikian dan ini tidak seharusnya dilihat sebagai satu perlumbaan persenjataan, katanya sambil menambah China juga dijangka memperbaharui sistem persenjataannya tambahan pula negara itu kini lebih makmur.

Katanya Malaysia juga tidak percaya terhadap tanggapan akan wujud kekosongan kuasa dan teori ini seharusnya diketepikan.

"Lihat sahaja apa yang berlaku di Bosnia. Amerika Syarikat tidak mampu berbuat apa-apa ... dan kita tidak boleh bergantung kepada tanggapan rasa bertanggungjawab negara-negara kuasa besar.

"Tidak perlu bagi sesiapa menjadi polis dunia apabila kita tidak boleh menaruh harapan kepada anggota polis berkenaan," katanya. -- Bernama

SAG SJ SIA